

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 OKTOBER 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GABUNG TANAH PESAWAH DIMULAKAN DENGAN BANTUAN KADA, MADA, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -30,31	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	16 NELAYAN VIETNAM DIDENDA RM1.7 JUTA, LOKAL, HM -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	IMBANG PENCAPAIAN MENYELURUH, NASIONAL, SH -9	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	OPTIMS REALISASI HASRAT WKB2030, NASIONAL, SH -9	
5.	MALAYSIA SUCCESFULLY DEVELOPED MR 12H HYBRID PADI VARIETY, NATION, SIN CHEW DAILY -17	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6.	PELADANG PERLU CELIK ICT, NIAGA, KOSMO -39	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	PELADANG PERLU MAHIR APLIKASI DIGITAL KEWANGAN, BISNES, UM -33	
8.	LEMBU SADO TARIK PENGUNJUNG, FIKRAH, HARAKAH -F6	
9.	NELAYAN BERPELUANG TAMBAH PENDAPATAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -15	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	PETANI TUNTUT BANTUAN SARA HIDUP RM200, UTARA, HARAKAH -N18	LAIN-LAIN
11.	PSR PULAU PINANG JEJAS NELAYAN DI PERAK, NEGERI, HARAKAH -N14	
12.	ROMBAKAN SEKTOR PERIKANAN PERLU DIBUAT SECARA HOLISTIK, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -12	
13.	JOMO CADANG ROMBAK DASAR PERTANIAN SEGERA, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3	
14.	CARA TANGANI SERANGAN ULAT RATUS, UM -ONLINE	
15.	PENGURUS KEBUN CALON MENANTU, UM -ONLINE	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Perasmian Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB).



Peserta Rezeki Tani Nor Asiah Ali menerima sumbangan berupa dapur memasak, oven, freezer dan sinki dua lubang berjumlah hampir RM10,000.



Luna Mohd menerima insentif Kukuh Jujuan Terus bernilai RM5,000.

Gabung tanah petani dengan bantuan!

Oleh NASUHA RAHMAN
Foto FACEBOOK SALAHUDDIN AYUB

MEREALISASI hasrat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mencatumkan tanah milik pesawah kecil bagi menjadikan satu ladang padi yang diurus secara profesional dan menjana keuntungan, Menteri Pertanian, Industri dan Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub akan menubuhkan pasukan khas menjelang akhir tahun ini.

Salahuddin berkata, pasukan yang akan dianggotai pegawai tertinggi membabitkan pelbagai agensi kerajaan itu ditugaskan membuat kajian terperinci bagi mengenal pasti model sesuai untuk penggabungan tanah sawah.

"Kita sudah ada model yang akan dikemukakan dan dijangka boleh diaplikasikan menjelang akhir tahun Ini bagi pembangunan tanah sawah."

"Penggabungan tanah sawah ini dapat memberi nilai tambah dalam aspek perurusan tanah, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah," katanya selepas Merasmikan Karnival Jalinan Tani di Institut Latihan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kota Bharu 27 September lalu.

Katanya, buat permulaan, penggabungan sawah akan dilaksanakan dengan bantuan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Pelaksanaan ini juga akan mewujudkan pengurusan ladang yang dapat memastikan aktiviti petani berjalan sempurna seperti dijalankan FELCRA dan beberapa agensi lain," katanya.

Turut hadi Husam Musa Ismail.

Terdahulu usaha itu tidak pernah terus menerus di negara ini sejak subsidi dalam Sementara wan bimbang tempat apabila pasaran tembakau. Katanya, tembakau FAMA di negara dibuka produk antar-

"Pada masa ini gawai mencapai 40 peratus tetapi yang menjadi katanya.

Di dalam perturut menyampaikan kepada pese bantu meninjau serta meningkatkan kemiskinan.

Puan Nor Aini menerima sumbangan i-freezer dan kuey teow sebanyak RM1,600.

"Peralatan ini carkan lagi pada dan kuey teow selama 16 tah-

"Saya ucap i�egawai-pe mencari dan untuk kita lagi program



Sawah dimulakan KADA, MADA

Pengerusi KADA Datuk Ishak Ismail berkata, jika

"Mahathir berkata, jika dilakukan, pesawah kecil jadi antara rakyat termiskin yang bergantung kepada penanaman sawah.

"Salahuddin berkata, usahawan FAMA semakin mendapat produk mereka berada di tanah dan antarabangsa.

"Apakah lebih 60,000 usahawan ini dan kebanyakannya produk jasus menarik setanding bangsa."

"Jika kita mengarahkan pegolongan berpendapatan rendah (B40) terutama mereka usahawan untuk dibimbing,"

"gram itu juga, Salahuddin berkata sumbangan peralatan Rezeki Tani iaitu bagi memudahkan mereka dari belenggu"

"Ali antara yang menerima rupa dapur memasak, oven, ki dua lubang berjumlah 200.

"Semua diharap dapat melanjutnya menjual cream puff yang beliau telah jalankan ini."

"Hujah kepada FAMA dan wai MOA di Kelantan yang pengenapasti golongan sasaran. Selepas ini lebih banyak cumpama ini akan kita buat."

Saya juga akan berjuang untuk mendapatkan tambahan bajet supaya lebih banyak golongan sasar dapat kita keluar dari kelompok B40," katanya.

Dalam pada itu, Ishak Ismail berkata FAMA yang ditubuhkan pada Oktober 2016, melaksanakan pelbagai Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) bagi memenuhi keperluan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diperlukan pelatih.


"Menerusi program ini, ia menawarkan SKM tahap 3 (single tier) secara sepenuh masa dalam bidang Pemasaran Pertanian yang mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)," katanya ketika berucap.

Katanya, institusi itu kini mengambil seramai 50 orang pelatih dalam satu masa dengan tempoh pengajian selama satu tahun enam bulan.

Mengulas lanjut, Ishak berkata para pelatih akan didekahkan mengenai subjek-subjek bidang pemasaran melalui sembilan Kurikulum Unit Kompetensi (Cocu).

"Subjek-subjek ini akan diajar secara teori dan amali oleh tenaga pengajar yang berkeyakinan dan berpengalaman yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan FAMA sendiri dan pembelajaran melibatkan 30 peratus teori dan 70 peratus amali," katanya.

Katanya, menerusi karnival yang dilakukan itu dapat melatih bakal graduan Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB) untuk menjadi usahawan di samping memberi pendedahan kepada para pelatih berkenaan pengurusan dan pengurusan program sekaligus untuk ILFKB kepada awam.



16 nelayan Vietnam didenda RM1.7 juta

Kuala Terengganu: Enam belas nelayan Vietnam termasuk dua tekong dijatuhi denda RM1.7 juta di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan menangkap ikan di perairan negara menggunakan pukat tunda dua bot tanpa kebenaran.

Keputusan itu dibuat Hakim Azman Mustapha selepas semua tertuduh berusia 19 hingga 50 tahun mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang dibaca bersama Seksyen 24 (1) akta sama dan Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Bagi pertuduhan itu, Azman menjatuhkan huku-

man denda sebanyak RM500,000 terhadap dua tekong manakala 14 awak-awak pula masing-masing didenda sebanyak RM50,000.

Azman turut mengarahkan dua tekong masing-masing berusia 33 dan 50 tahun dipenjara dua tahun manakala hukuman penjara satu tahun bagi 14 awak-awak jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan kedua-dua vesel, peralatan komunikasi, navigasi, peralatan menangkap ikan milik kedua-dua vesel serta hasil tangkapan laut seberat 1.7 tan dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.



NELAYAN Vietnam diderida RM1.7 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

Imbang pencapaian menyeluruh

FAMA fokus perkukuh aspek dalaman dan luaran

NORUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Menjangkau usia 54 tahun sebagai agensi penggerak utama petani dan usahawan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus mengorak langkah seiring dengan perkembangan semasa.

Ketua Pengaruhnya, Zainal Abidin Yang Razali berkata, hala tuju terkini agensi itu adalah untuk memperkuatkukan dua aspek utama iaitu dalaman dan luaran bagi mengimbangi pencapaian secara menyeluruh.

Menurutnya, antara perkara yang akan diberikan tumpuan bagi aspek dalaman adalah mempertingkatkan kekuatan kakitangan dengan melakukan penstrukturkan semula organisasi supaya selaras dengan matlamat dan pelan yang digariskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

"Bagi aspek luaran pula, kita akan fokus kepada perkembangan sernas, sebagai contoh kita sedang memperkuatkukan pemasaran produk usahawan secara digital atau atas talian selain turut memberikan kursus-kursus kepada mereka.

"Jadi, dua perkara inilah yang saya akan berikan tumpuan bagi menjayakan hala tuju FAMA selepas 54 tahun supaya fungsi dan peranannya terus ditingkatkan," kata anak kelahiran Kampung Temong, Kuala Kangsar, Perak itu kepada *Sinar Harian*.



ZAINAL ABIDIN



FOTO: ZAHID IZZANI dan ARF ZUHKI

Ishak (duduk, tengah) dan Zainal Abidin (duduk, dua dari kanan) serta warga FAMA menyambut ulang tahun ke-54 agensi itu di Bangunan FAMA, Selayang semalam.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin yang baru menerajui agensi itu kiranya sebulan lalu berkata, ketika ini usaha memperkuatkukan portal Agrobaazar Online giat dilakukan bagi memenuhi pemasaran atas talian yang semakin menjadi pilihan ramai.

Katanya, ketika ini pengguna tidak perlu lagi bersesak-sesak untuk membeli barang keluaran

usahawan FAMA kerana hanya menerima pesanan atas talian mereka hanya menunggu barang sampai ke rumah atau tempat yang diinginkan.

"Meskipun begitu, 3,000 outlet atau tapak jualan kekal di bawah FAMA termasuk Pasar Tani, Agrobaazar dan lain-lain terus diperkuatkukan dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya, FAMA turut menghantar seramai 40 kakitangan untuk menjalani latihan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membolehkan mereka memberikan penerangan kepada usahawan mengenai kepentingan mem-

peroleh pensijilan halal.

"Selaras dengan matlamat terkini, kita mahukan semua usahawan khususnya yang mengeluarkan produk makanan mempunyai sijil halal bagi membolehkan produk-produk itu dipasarkan dengan lagi pendapatan usahawan dan petani lebih meluas termasuklah dieksport ke luar negara," katanya.

Menurutnya, jika dahulu fungsi dan peranan FAMA lebih tertumpu kepada usaha untuk membantu petani dan usahawan tetapi kini diperluas termasuk bagaimana peranan yang dimainkan

agensi itu untuk membantu pengguna.

"Jadi, atas sebab itu juga kita terus membina hubungan dengan pelbagai agensi lain supaya setiap pelaksanaan yang bakal dibuat untuk meningkatkan lagi pendapatan usahawan dan petani akan terlaksana," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai harapan beliau terhadap FAMA, Zainal Abidin berkata, beliau mahu agensi itu terus berkembang dan bersemarak lagi untuk memastikan petani serta usahawan lebih berdaya saing,

Optimis realisasi hasrat WKB2030

BATU CAVES - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) optimis akan dapat merealisasikan hasrat kerajaan yang digariskan di bawah kerangka halalju negara Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, di bawah kerangka itu terdapat empat daripada 15 aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berkait langsung dengan peranan dimainkan FAMA.

Menurutnya, empat KEGA tersebut adalah hab halal dan makanan, komoditi Malaysia 2.0, ekonomi hijau serta pertanian pintar dan bernilai tinggi.

"Kita yakin sumber kekuatan dan pengalaman hampir 54 tahun yang dimiliki FAMA dalam bidang pemasaran akan dapat digunakan dengan sebaiknya," katanya selepas Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Ulangtahun FAMA ke-54 yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA, Zainal Abidin Yang Razali

di sini semalam.

Ishak berkata, bagi KEGA pertama iaitu hab halal dan makanan, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi memudahkan lebih 6,000 usahawan yang sedang menunggu untuk mendapatkan sijil halal.

Menurutnya, menerusi strategi komoditi Malaysia 2.0 pula, beliau melihat terdapat ruang FAMA boleh bekerjasama atau berbincang dengan Felda, Felcra dan Risma untuk membantu supaya penanaman buah-bahan dan sayur-sayuran dibuat di ketiga-tiga tanah rancangan itu.

"Untuk KEGA ekonomi hijau pula, kita akan pastikan usaha dengan petani dipugarkan supaya hasil sisa buangan tidak dibuang begitu saja dan dapat digunakan semula untuk menjana pendapatan mereka."

"Akhir sekali bagi KEGA pertanian pintar dan bernilai tinggi, matlamat tersebut selari dengan apa yang sedang diusahakan FAMA menerusi smart-farming yang menekankan pengintegrasian teknologi tinggi," katanya.



Ishak (dua dari kiri) menyempurnakan gambar perasmian Sambutan Ulang Tahun FAMA Ke-54 di Bangunan FAMA, Selayang semalam.

Headline	Malaysia successfully developed MR 12H hybrid padi variety		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	08 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	17	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,801
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,403



农民示
范如何种植
杂交水稻



大馬新突破 成功研發雜交水稻

(哥打峇魯7日讯)大马农业发展研究所(MARDI)宣布，成功生产出首个杂交水稻(MARDI MR 12H)，这是我国农业领域又一新突破。

农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁说，杂交水稻(padi hibrida)种籽耐疾病，可大力提高产量，每公顷土地预计可增15至20%的产量。其次，杂交水稻即使在不太肥沃的土地也能生长。

他说，新研发的杂交水稻将进行一次正式命名。

他今日走访木龙区稻田指出，大马农业发展研究所自2007年以来开始，就在国内发展杂交水稻品种，并在丹州的木龙和默罗区进行了10公顷的开创性项目。

玉米虫害情况受控

另一方面，莫哈末沙列胡丁受询时说，国内4个州属的玉米作物今年初开始

受到秋粘虫(Fall Armyworm)虫害，目前情况受控。

玉米粘虫是一种玉米作物虫害中常见的害虫之一。粘虫对玉米的危害主要是幼虫暴食玉米叶片。玉米粘虫幼虫严重时，会在短期内吃光玉米叶片，造成玉米减产甚至绝收。

在场者包括大马农业发展研究所总监拿督莫哈末洛夫，以及格姆布农业发展局经理聂罗斯兰。

Peladang perlu celik ICT

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

KUALA LANGAT - Peladang di negara ini perlu bersikap proaktif dalam penggunaan aplikasi canggih melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Surina Shukri, penggunaan aplikasi kewangan, DuitNow misalnya akan memudahkan transaksi kewangan antara peladang dengan pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai pembeli utama produk mereka.

"Inisiatif penggunaan aplikasi DuitNow membolehkan PPK menjalankan urus niaga dengan ahli-ahli peladangnya dengan lebih mudah dan cepat.

"Selain mempercepatkan bayaran daripada pihak PPK kepada peladang dan petani ia juga mengurangkan kos operasi, mempercepatkan masa diambil untuk mengeluarkan



SURINA (duduk kanan), Azulita (duduk dua dari kanan), Hasnul (duduk dua dari kiri) dan Abdul Razak (duduk tengah) bergambar pada Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital di Kuala Langat baru-baru ini.

kan atau memproses cek dan mengurangkan risiko penolakan pembayaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital Dalam Industri Pertanian-Transaksi Tanpa Tunai DuitNow Untuk Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Morib,

Hasnul Baharuddin; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azulita Salim dan Pengurus PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah.

Sementara itu, Azulita berkata, pihaknya mengalukan penggunaan aplikasi tersebut, memandangkan hampir 30 peratus peladang adalah golongan muda yang gemarkan teknologi dalam mempercepatkan urusan harian mereka.



SURINA SHUKRI (kanan); Azulita Salim (dua dari kanan); Hasnul Baharuddin (dua dari kiri) dan Dr. Abdul Razak Khasbullah (tiga dari kiri) pada Majlis Pelancaran Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital Dalam Industri Pertanian-Transaksi Tanpa Tunai DuitNow di Kuala Langat, Selangor, baru-baru ini. - GAMBAR/ABDUL RAZAK IDRIS (STRINGER)

Peladang perlu mahir aplikasi digital kewangan

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LANGAT 7 Okt.— Peladang di negara ini perlu proaktif menggunakan aplikasi canggih melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Surina Shukri, penggunaan aplikasi kewangan, DuitNow misalnya akan me-

mudahkan transaksi kewangan antara peladang dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai pembeli utama produk mereka.

“Inisiatif penggunaan aplikasi DuitNow ini akan membolehkan PPK Kuala Langat menjalankan urus niaga dengan ahli-ahli peladangnya dengan lebih mudah dan cepat.

“Selain itu, ia juga mampu mengurangkan kos operasi, mempercepatkan masa diambil untuk mengeluarkan atau memproses cek dan mengurangkan risiko penolakan pembayaran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital Dalam Industri Pertanian-Transaksi Tanpa Tunai DuitNow untuk ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Morib, Hasnul Baharuddin; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azulita Salim dan Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah.

Dr Azman bersama pemilik lembu sado yang muncul juara dan naik juara pada HPPNT 2019 iaitu...

KATEGORI:-
KING of SADO
Lembu bagi kategori 'King of Sado'.

Hari kejayaan
Fikrah
ED 2487 | 8-11 SAMBUTAN HPPNT 2019 | 20 SEPTEMBER 2019

Lembu sado tarik pengunjung

BERANI... reaksi spontan kanak-kanak duduk di atas kerbau balau pink.

Oleh HIDAYAH AZLIN

KERAJAAN negeri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Persatuan Perniawak Rumunan Terengganu mengajurkan Himpunan Lembu Sado Pantai Timur (HLSPT) pada 3 hingga 5 Oktober lalu.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tanah Dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, perkara itu diputuskan selepas melihat sambutan yang luar biasa daripada pengusaha lembu sado dalam Hari Peladang, Perniawak dan Neleyan Terengganu (HPPNT) 2019.

Pameran dan pertandingan lembu sado turut menjadi tumpuan utama pengunjung HPPNT sebelum ini. HPPNT yang bermula 25 hingga 26 September lalu itu diadakan sebagai satu pengiktirafan kerjaan terhadap sektor pertanian.

Lantaran permintaan tinggi daripada para pemilik lembu sado dan juga ramai yang tidak dapat menyertai HPPNT kerana kuota sangat terhad.

HLSPT yang diadakan di Dataran Pekan Jabi, Setiu itu disertai 116 ekor lembu.

Menurut Azman, penyertaan adalah terbuka kepada semua lembu yang dipelihara di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang dengan konsep pasar ternakan.

"Insya Allah, kita akan menghimpunkan seramai yang mungkin. Ia juga akan dibuat dengan konsep pasar ternakan. Bagi yang membawa lembu tetapi tidak mahu membawa balik, dia boleh jual terus di pasar ini."

"Kita akan jadikan acara HLSPT ini sebagai acara tahunan dengan dataran Pekan Jabi ini akan jadi tuan rumah," tambah beliau yang juga Adun Jabi.

Sementara itu, lembu baka Belgium Blue, "Bulat" yang dinobatkan juara pertandingan lembu sado dalam kategori senior pada HPPNT 2019 baru-baru ini tidak melepaskan peluang.

Pemiliknya, Amirul Firdaus Sasfarizam, 17, berkata disebabkan minat mendalam terhadap lembu sado, dia berkecimpung dalam bidang itu sejak dia berku seolah lagi.

Anak muda yang berasal dari Chalok, Setiu itu mengusahakan perternakan lembu sado tiga tahun lalu bersama bapa saudaranya.

Katanya, memang hobi berada bidang ternakan sejak dari kecil.

"Dulu saya menternak lembu kampung, sekarang semuanya sudah dijual. Kini lembu baka Belgium Blue, Limousin dan Charolaise menjadi pilihan saya dan kesemuanya berjumlah 16 ekor," ujarnya pada HPPNT.

Lembu miliknya pernah mendapat naib juara dalam pertandingan sempena Road To Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA), di Manir, tahun lalu.

Orang ramai tidak melepaskan peluang berswafoto bersama kerbau balau/pink.

Peserta terbaik yang ada di Dataran Pekan Jabi, lembu baka br/liman.

Nelayan berpeluang tambah pendapatan

PENGERUSI Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzil menyifatkan nelayan sebagai golongan pekerja yang cukup istimewa kerana boleh terlibat dalam setiap peringkat industri hulu, tengah, dan hiliran bagi menambah pendapatan.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu berkata, peluang tersebut contohnya diambil oleh penduduk Pulau Pangkor yang dikenali sebagai Pak Su dan Ghazali.

Menurutnya, Rasdi Ibrahim atau Pak Su, 46, bermiaga sate ikan manakala Ghazali bermiaga hidangan laut secara 'shell out'.

"LKIM juga menyediakan banyak kemudahan infrastruktur perikanan seperti pusat jualan minyak petrol dan diesel, jeti, pusat pemprosesan hasil perikanan (PPHP), perumahan nelayan dan berbagai-macam lagi," jelasnya.

Faiz yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Pulau Pangkor yang baginya kaya dengan hasil laut seperti ikan bilis, sate ikan, sotong kering, ikan pedas

Program beliau juga dijayakan Penga-



Paksu menjadi Bumiputera pertama di Pulau Pangkor mengeluarkan produk baharu iaitu sate ikan.

rah LKIM Perak, Fajarwati dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pulau Pangkor serta anggota AMANAH Perak.

"Saya turut melawat seorang nelayan uzur dan memberikan sumbangan kepada rumah nelayan yang rosak akibat bencana," ujarnya lagi.

Turut menyertai lawatan tersebut adalah Briged Wanita DUN Permatang Pasir bagi memberikan pendedahan peluang perniagaan dan industri perikanan kepada mereka terbabit.

Petani tuntut bantuan sara hidup RM200

KANGAR: Golongan petani di Perlis berharap bantuan sara hidup RM200 sebulan yang pernah diberikan kerajaan Barisan Nasional (BN) dimasukkan semula dalam Bajet 2020.

Kerajaan BN sebelum ini memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai insentif tambahan semestara menunggu hasil tuaian padi iaitu RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan pertama.

Bantuan itu memberi manfaat kepada kira-kira 325,518 pesawahan di seluruh negara termasuk pengusaha padi bukit di Sabah dan Sarawak.

Seorang petani di sini Sukardi Mat Dali, 53 berharap insentif tersebut diberi semula kerajaan

sekarang.

Katanya, kebanyakkan petani masih berharap kepada bantuan sara hidup RM200 selama tiga bulan yang pernah diberikan kerajaan BN.

"Kerajaan Pakatan Harapan pernah beri hanya sekali itu pun bersifat 'one off'. Kebanyakannya petani tidak puas hati kerana bantuan itu hanya direma nelayan," katanya disini.

Beliau juga berkata, sistem saliran di sawah perlu diseleggara dengan baik supaya dapat meningkatkan pengeluaran padi.

Menurutnya sistem saliran yang ada sekarang tidak dapat dilakukan penyeleggaraan dengan sempurna oleh agensi ber-

kaitan kerana kekurangan bajet.

"Tetapi kalau Bajet 2020 makin berkurang, amat sukar jabatan terabit untuk selenggara sistem saliran dengan sempurna," ujarnya.

Marzuki Din, 64 juga berharap bajet 2020 mengambil kira keperluan petani yang berdepan dengan peningkatan kos 'input' pertanian.

Menurutnya modal per-

mulaan hendak mengusa-

hakan bendang serelong

mencecah ribuan ringgit.

"Sementara menunggu

dapat hasil, kami makan

ikan puyu, kel i yang ada

sekecil

rumah. Apa

yang ada dalam bendang

itu yang yang kami makan," katanya.



Marzuki Din

Sukardi Mat Dali

Kehilangan sawah di Kuala Perlis.



PSR Pulau Pinang jejaskan nelayan di Perak



Nelayan di Parit Buntar Perak.

PARTI BUNTAR: Pembangunan projek Tambakan Sejalan Pulau Pinang (PSR) bagi mewujudkan pulau buatan seluas 4,000 ekar tunai menjaskan nelayan di Perak.

Pengerusi Pertubuhan Tanah dan Teroka Pulau Pinang, Zikruallah Ismail berkata, walaupun projek itu berpusat di Pulau Pinang, namun dijangka melibatkan pengambilan pasir sehingga ke Kuala Kurau.

"Ia akan menjelaskan hidrograf dan ekologi laut serta pantai. Ini tentunya akan menjelaskan pendapatan nelayan kecil," katanya pada ceramah Perpaduan Ummah di Markas PAS Batu 13 Kuala Kurau baru-baru ini.

PSR merupakan inisiatif kerajaan DAP bagi membantu Pelajar Induk Pengangkutan Pulau Pinang bernilai RM46 bilion melalui tebus guna tiga pulau seluas 4,000

hektar di pesisir Permatang Damar Laut.

Zikruallah juga berkata, NGO yang prihatin sekali lagi akan bersolidariti dengan nelayan akan diadakan di Padang Kota, Pulau Pinang 4 November hadapan.

Menurutnya bantahan itu diteruskan memandangkan projek berkenaan menjepak kehidupan nelayan dan hanya memberi keuntungan segerlmur pihak sahaia.

Rombakkan sektor perikanan perlu dibuat secara holistik

Oleh FAIZ FADZIL

SAYA menyambut baik cadangan pakar ekonomi Prof Jomo Kwame Sundaram bahawa dasar pertanian Malaysia perlu dirombak secara menyeluruh. Cadangan ini selaras dengan Hala Tuju MOA yang dibentangkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Sahuddin Ayub pada 14 Februari 2019 terutama Hala Tuju Keempat Iaitu "Menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, pentemak dan nelayan".

Sepertimana yang telah saya utarakan seluruh ini bahawa sektor perikanan negara tidak boleh lagi berdasarkan "business as usual" dan perlu sunitkan idea baru berasaskan teknologi dan diversiti industri. Pekerjaan sebagai nelayan ini harus dilihat sebagai i bidang teknikal pada masa hadapan, di mana teknologi pertanian pintar seperti Artificial Intelligence, dron,

*Prof Jomo Kwame Sundaram*

Internet of Things dan sebagainya digunakan dalam menambah baik taraf dan produktiviti industri perikanan.

Pelaburan kerajaan dan swasta harus diperkuatkan dalam mendorong pembangunan pintar dalam industri perikanan di mana teknologi moden diintegrasikan secara mudah dengan proses tangkapan hasil laut bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti nelayan.

Sebagai contoh, subsidiary Axiai di Indonesia, XI, telah membangunkan aplikasi telefon pintar "Laut Nusantara" yang

yang masih lagi tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, saya amat berharap agar Kerajaan meningkatkan kembali Elaun Sarawak nelayan kepada RM300 sebulan untuk mengurangkan beban para nelayan yang terjejas dengan pelbagai cabaran.

Saya ingin mencadangkan agar elauan atau insentif khas diberikan kepada nelayan sekitar mereka telah menepati beberapa kriteria seperti melibatkan diri dalam program peningkatan kemahiran, memastikan anak-anak ke sekolah tanpa cuti berpanjangan dan lain-lain. Langkah ini akan memastikan para nelayan dan keluarga mereka berusaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Saya juga berharap agar Belanjawan 2020 akan mewujudkan

hiliran atau downstream untuk sektor perikanan di sepanjang rantai bekalan atau "supply chain".

Dengan menggalakkan penglibatan anak muda dalam industri hiliran, kita dapat memastikan kelangsungan atau "sustainability" bidang perikanan negara. Secara umumnya, adalah menjadi harapan saya agar Belanjawan 2020 akan mengambil langkah "expansionary" atau-

pun meningkatkan perbelanjaan memandangkan pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin perlahan dan sentimen pengguna yang lemah.

Suntikan dana oleh Kerajaan dapat membantu dalam terus memperkuatkannya ekonomi negara untuk tahun hadapan dalam memastikan agenda kemakmuran bersama (*shared prosperity*) dapat dilaksanakan secara holistik dan efisyen terutama dalam merapatkan jurang sosio-ekonomi golongan nelayan.

■ **Faiz Fadzil adalah Pengurusj LKMN dan Adun Permatang Pasir.**

Jomo cadang rombak dasar pertanian segera

SEKTOR pertanian memerlukan satu rombakan dasar yang menyeluruh kerana ia sedang berdepan dengan kemelut besar yang perlu ditangani segera, kata bekas Ahli Majlis Penasihat Kerajaan Prof Jomo Kwame Sundaram, seperti dilapor *The Malaysian Insight*.

Dengan menyebut penanam padi sebagai contoh, Jomo berkata, walaupun mereka menerima subsidi tinggi daripada kerajaan, namun golongan itu masih merupakan kategori paling miskin di Malaysia.

"Walaupun penanaman padi di-subsidiakan lebih daripada 60% oleh pihak kerajaan, kita dapat subsidi input ... seperti baja dan sebagainya yang dibekalkan syarikat gergasi antarabangsa ... tidak beri kesan baik merangsang penanaman padi.

"Yang beri kesan ialah apa yang dikatakan subsidi harga di mana harga ditukar kepada paras lebih tinggi daripada harga dunia," katanya ketika membentangkan kertas kerjanya Seminar Ekonomi, Kemiskinan dan Kesenjangan di Malaysia di Parlimen, 24 September lalu.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen yang dipengerusikan Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bersama Majlis Ahli-Ahli Penyokong Kerajaan dan Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menurut Jomo, isu pertanian yang ditanggung bebananya oleh kerajaan pada hari ini adalah masalah daripada dasar yang

diwariskan oleh penjajah.

Beliau memberikan contoh undang-undang tanah rezab Melayu yang mengikat petani untuk hanya menanam padi.

"Petani tidak dapat tanam lain selain daripada padi. Ini seolah-seolah konspirasi untuk mengikat pekebun kecil dan penanam padi untuk terus menanam padi," katanya.

Bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu bagi pembangunan ekonomi itu juga berkata dasar perolehan makanan boleh membantu menangani isu yang sedang Malaysia hadapi sekarang.

Beliau memberikan contoh program makan tengah hari di sekolah yang boleh mendapatkan bekalan bahan mentah daripada petani kecil dan bukannya daripada syarikat besar.

"Ada cara lain juga. Kementerian Kesihatan sudah membuat percubaan di Johor dengan membekalkan vitamin dan suplemen di sekolah dengan kos RM2.40, iaitu 20 peratus lebih rendah daripada harga di Johor.

"Johor negeri paling mahal di Malaysia kerana tempias dari Singapura," katanya.

Jelas beliau, usaha itu memerlukan kerjasama antara kementerian.

Jomo menegaskan pentingnya tembok antara kementerian diruntuhkan, jika tidak, perubahan yang diharapkan tidak akan berlaku sekiranya pihak berkuasa meneruskan usaha dengan kaedah yang sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Cara tangani serangan ulat ratus

KUALA LUMPUR 7 Okt. – Serangan ulat perosak yang mula mengancam beberapa tanaman di negara ini boleh ditangani dengan beberapa cara.



Prof Dr. Dzolkhifli Omar
Pensyarah Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Dzolkhifli Omar berkata, cara kawalan yang disyorkan adalah pemantauan terutamanya pada peringkat permulaan musim menanam iaitu antara satu ke tiga minggu selepas menanam.

“Periksa telur-telur atau larva peringkat satu atau dua pada bahagian bawah terutamanya daun yang tua dan musnahkan.

“Selain itu perangkap feromon boleh digunakan untuk memerangkap serangga dewasa,” ujarnya.

Beliau diminta mengulas kebimbangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menggesa serangan ulat serangga tersebut atau nama saintifiknya Spodoptera frugiperda di beberapa buah negeri antaranya termasuklah Perlis, Kedah, Perak dan Johor.

Ketua Setiausaha, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan berkata, kehadiran serangga perosak itu mula dikesan sejak awal Januari lalu dan setakat ini didapati menyerang tanaman jagung.

Pihaknya juga bimbang ulat ratus berasal dari kupu-kupu yang terbang jauh dari Amerika Selatan tersebut akan turut menyerang tanaman lain pula termasuk padi.

Mengulas lanjut, Dzolkhifli berkata, terdapat beberapa musuh semula jadi tempatan yang boleh digunakan iaitu parasitoid telur seperti Trichogramma dan pemangsa seperti kumbang ‘ladybird’ dan ‘earwig’.

Kata beliau, ejen penyebab penyakit pada serangga seperti Beauveria and Metarrhizium juga berkesan untuk mengawal serangga berkenaan.

“Kawalan kimia hanya disyorkan jika terdapat letusan populasi (outbreak) serangga ini,” ujar beliau lagi.

Menurutnya lagi, kajian kerentanan dan ketoksikan racun terhadap serangga berkenaan juga perlu dikaji sebelum penggunaannya disyorkan.

Ini kerana katanya, pemilihan racun bukan saja mengambil kira keberkesanannya tetapi juga kesan sampingan terhadap musuh semula jadi dan alam sekitar.

Semburan yang akan dilakukan seeloknya menggunakan titisan yang halus untuk mendapat liputan semburan yang baik dan memberi peluang untuk racun bertindak dengan lebih berkesan.

Menurutnya, oleh kerana ulat ratus tersebut adalah serangga yang bukan berasal dari negara ini, kemasukannya ke negara ini lazimnya tidak bersama dengan musuh semula jadi yang terdapat di negara asalnya,

Oleh itu kemungkinan infestasi serangga tersebut adalah tinggi dan mempunyai julat hos tanaman yang luas seperti jagung, padi dan sayuran.

Kata beliau, dewasa betina mempunyai kebolehan bertelur sehingga 1,000 biji untuk setiap ekor dan lazimnya bertelur antara 100 hingga 200 biji pada satu-satu masa.

Oleh itu katanya, potensi serangannya adalah agak tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Pengurus kebun calon menantu

KUALA LUMPUR 7 Okt.- Dengan saranan supaya lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian berteknologi baharu dan slogan biar badan berkilat asalkan poket lebat, ibu bapa di negara ini diharap tidak lagi bimbang apabila anak mereka menceburi bidang tersebut.



Mohd. Sufian Sulaiman

Pengarah Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Mohd. Sufian Sulaiman malah berharap ibu bapa boleh memberi keutamaan kepada pengurus kebun atau usahawan tani yang berjaya ini sebagai calon menantu.

“(Ya) mungkin tidak nampak handsome, tapi yang penting duit banyak, (justeru) makcik-makcik dan ibu bapa bolehlah (beri pertimbangan) jadikan calon menantu, ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan perasmian Karnival Jalinan Tani (KJT) 2019 anjuran Institut Pertanian Serdang (IPS) di Serdang, dekat sini kelmarin.

Karnival dua hari itu antara lain bertujuan memperkenalkan peranan IPS berkenaan kepada orang ramai sebagai pusat bertauliah (PB) yang melahirkan tenaga mahir dalam bidang pertanian. Hadir sama Pengarah IPS, Dee Noo Aiza Hayati Md Noh .

Apa yang pentng kata Mohd Sufian, pelajar atau pelatih menggunakan peluang daripada ilmu yang diperoleh sepanjang pengajian untuk memulakan projek pertanian seterusnya menjadi usahawan tani apabila tamat pengajian kelak.

Beliau berkata, kerajaan kini memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai keusahawanan dalam bidang pertanian dan melahirkan lebih ramai pengurus ladang atau kebun dengan memanfaatkan teknologi terkini.

“Saya juga berharap pelatih mempunyai daya tahan dan jati diri yang kuat sebagai pekerja atau usahawan untuk berjaya dan jangan terus kecewa jika gagal.

Kementerian kata beliau, akan terus membantu bukan sahaja dalam aspek memberi bimbingan dan latihan teknikal tetapi juga dana yang diperlukan dalam melaksanakan sesuatu projek.

Beliau berkongsi cerita bagaimana seorang pekerja yang ditawarkan berkhidmat di sebuah ladang strawberi di Cameron Highlands yang mengadu tidak tahan bekerja di kawasan panas dan minta dipindahkan ke bahagian lain.

Kata beliau, setelah berunding dengan syarikat terbabit, pekerja berkenaan kemudiannya dipindahkan kebahagian pemprosesan strawberi tetapi dia sekali lagi mengadu tempat tersebut terlalu sejuk.

Sikap seumpama itu kata beliau tidak patut ada kepada mereka yang bekerja dalam bidang pertanian kerana keadaan panas atau sejuk adalah antara cabaran yang harus dihadapi apabila menceburi bidang tersebut.

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, ketika ini lebih 1,000 pelatih tamat pengajian setiap tahun daripada PB termasuklah IPS dan 70 peratus daripada berjaya mendapatkan pekerjaan atau menjadi pengusaha.

Golongan tersebut kata beliau menjadi pelapis kepada generasi terdahulu kerana kerika ini kira-kira 80 peratus golongan petani peladang penternak dan nelayan

secara purata berumur antara 58 hingga 70 tahun.